



13 MAY, 2022

Dua negara meterai kerjasama semikonduktor

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Dua negara meterai kerjasama semikonduktor

Kuala Lumpur: Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat (AS), Gina M Raimondo dan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memeterai memorandum kerjasama

(MoC) dua negara mengenai daya tahan rantai bekalan semikonduktor.

MoC itu bertujuan menyediakan prinsip panduan kepada kedua-dua negara berikutkan kerjasama masing-masing dalam mem-

perkuuh usaha-usaha daya tahan rantai bekalan semikonduktor.

Ketika menandatangani dokumen berkenaan, Raimondo dan Mohamed Azmin mengakui kerjasama AS-Malaysia adalah elemen penting dalam mewujudkan rantai bekalan semikonduktor yang berkuah tahun, terjamin dan mampan.

"Berdasarkan lawatan Raimondo ke Malaysia pada November 2021, MoC itu akan memperteguhkan perkongsian yang semakin berkembang di antara kedua-dua kerajaan dan industri semikonduktor," menurut kedua-dua pihak dalam kenyataan bersama.

MoC terbabit turut berperanan meningkatkan ketelusan dan kepercayaan, selain menggalakkan pelaburan dalam rantai bekalan semikonduktor.

Sebagai menunjukkan komitmen mereka terhadap aktiviti yang digariskan dalam MoC berkenaan, kedua-dua pemimpin mengadakan persidangan meja bulat dengan pakar industri.

It untuk membincangkan cabaran rantai bekalan jangka panjang dan semasa, di samping peluang kepada kedua-dua negara dan ekonomi global.

Semasa mesyuarat itu, Raimondo dan Mohamed Azmin sekali lagi menegaskan kepentingan hubungan perdagangan dan pelaburan AS-Malaysia berikutan hubungan diplomatik selama 65 tahun dan membincangkan bidang yang boleh ditingkatkan kerjasama.

Selain bertukar pandangan mengenai Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF), mereka turut membincangkan kepentingan

untuk rangka kerja itu menjadi inklusif dan kaedah bagi IPEF menyampaikan manfaat bermakna dari segi ekonomi, termasuk melalui bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti.

Jabatan Perdagangan AS dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia bercadang mengadakan pertukaran dengan pihak berkepentingan di bawah MoC itu, pada masa akan datang.



Mohamed Azmin bersama Raimondo menunjukkan MoC yang dimeterai antara Amerika dan Malaysia mengenai daya tahan rantai bekalan semikonduktor.



13 MAY, 2022

Dua negara meterai kerjasama semikonduktor

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat (AS), Gina M Raimondo dan Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memeterai memorandum kerjasama

(MoC) dua negara mengenai daya tahan rantaian bekalan semikonduktor. MoC itu bertujuan menyediakan prinsip panduan kepada kedua-dua negara berikutnya kerjasama masing-masing dalam memperkuatkan

usaha-usaha daya tahan rantaian bekalan semikonduktor.